

Sukum ke-43 berjaya cungkil atlet baharu

Utusan Malaysia (Timur) 30/8/18 (Khamis) m/s : 26.

KUANTAN 29 Ogos Kejuhanan Sukan Antara Staf Universiti Malaysia (Sukum) kali ke-43 yang berlangsung di **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** di sini baru-baru ini dilihat berjaya mencungkil bakat baharu atlet dalam kalangan warga universiti.

Dengan semangat kebersamaan 20 pasukan daripada universiti awam seluruh negara jelas terpancar semangat kesukanan yang tinggi di samping mengukuhkan ikatan silaturahim.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, dalam pertandingan pasti ada yang menang dan kalah namun dalam konteks Sukum semua pasukan ialah juara.

"Tanpa sokongan dan kerjasama semua tidak mampu untuk UMP mengelolakan Sukum.

"Tahniah buat pasukan yang berjaya meraih pingat manakala buat yang kurang bernasib baik juga syabas saya ucapkan kerana membuktikan usaha terbaik dalam memberi saingan," kata beliau.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Profesor Datuk Dr. Mashitah Mohd. Yusoff pada majlis penutup Sukum ke-43 di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Kementerian Pendidikan

Malaysia, Datuk Kamel Mohamad (tengah), Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS), No'man Datuk Ahmad dan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Safie.

Menurut Daing Nasir, selaku tuan rumah UMP melakukan yang terbaik dari segi layanan dan sambutan kepada semua atlet.

"Tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menyumbangkan khidmat bagi menjayakan Sukum Ke-43.

"Ini termasuklah anggota Jawatankuasa Pelaksana, para ketua kontinjen, pengurus pasukan, jurulatih, atlet, pegawai lokasi dan tidak dilupakan semua sukarelawan," ujarnya.



KAMEL MOHAMAD (tengah) beramah mesra dengan peserta Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Kuantan, Pahang, baru-baru ini.